

MARDI perkenal 23 teknologi makanan

Oleh [Nazri Abu Bakar](#) - November 28, 2021 @ 12:43pm

bhnews@bh.com.my



Ahmad (tengah) pada program Agroinvest MARDI di Bandar Hilir, Melaka. - Foto NSTP
Nazri Abu Bakar

MELAKA: Seramai 130 usahawan, syarikat dan rakan industri menyertai program Agroinvest Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata 23 teknologi berasaskan makanan dan minuman yang menekankan kesihatan berlandaskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) diperkenal.

Beliau berkata, MARDI menjana inovasi makanan berkhasiat untuk kesihatan sosial dan meningkatkan ekonomi negara.

"MARDI diharapkan dapat merancang dan melaksanakan proses R&D bagi janaan teknologi dan inovasi yang dapat dimanfaatkan oleh golongan sasar," katanya pada perasmian program terbabit.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Program bertemakan Evolusi Pemakanan Sihat Untuk Keluarga Malaysia turut menjadi platform Biz-Matching dalam mempromosikan teknologi dan inovasi yang dibangunkan MARDI.

Ahmad berkata, sepanjang pelaksanaan Agroinvest sejak 2016, sebanyak 252 syarikat membida lebih daripada 50 teknologi.

Katanya, 88 syarikat atau 35 peratus menunjukkan minat bagi mendapatkan teknologi MARDI dan sebahagiannya menandatangani perjanjian dengan MARDI melalui pelesenan, jualan terus dan juga khidmat rundingan.

Beliau berkata, setiap tahun secara puratanya, MARDI berjaya memperoleh pulangan melebihi RM1.4 juta hasil daripada pengkomersialan.